

**The Sarawak Museum Journal****Vol. XLVII No. 68****December 1997****ISSN: 0375-3050****E-ISSN: 3036-0188**

Citation: Putit Matzen. (1997). Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak. *The Sarawak Museum Journal*, XLVII (68): 107-124

PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU SARAWAK**Putit Matzen****TITIK-TITIK PERMULAAN**

Tahun 1521 —Antonia Pigafetta, seorang Italy yang mengembara bersama F. Magellan, telah menulis adanya "xiritoles" di 'Istana Brunei' (Hallet, 1940).

— (xiritoles = jurutulis)

(Kawasan Sarawak di bawah takluk Brunei zaman itu).

Sebelum kedatangan Brooke, seorang pelawat mubaligh Kristian telah mencatat "Beberapa Pangeran dapat menulis dan membaca dengan mudah dan mereka kelihatan faham apa yang mereka baca. Golongan hamba dan rakyat biasa bagaimana pun buta huruf".

(Pringle, 1970)

Prof. Datuk Khoo pemah menulis "To put it plainly, the Malays were, in the distant past, a seafaring people. The history of the Malay States, beginning from the Malacca Sultanate, clearly indicates that these states were mainly dependent on maritime trade".

(NST, 1993)

PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT MELAYU SARAWAK

oleh

Putit Matzen

TITIK-TITIK PERMULAAN

Tahun 1521 — Antonia Pigafetta, seorang Italy yang mengembara bersama F. Magellan, telah menulis adanya “xiritoles” di ‘Istana Brunei’ (Hallet, 1940).

— (xiritoles = jurutulis)

(Kawasan Sarawak di bawah takluk Brunei zaman itu).

Sebelum kedatangan Brooke, seorang pelawat mubaligh Kristian telah mencatat “Beberapa Pangeran dapat menulis dan membaca dengan mudah dan mereka kelihatan faham apa yang mereka baca. Golongan hamba dan rakyat biasa bagaimana pun buta huruf”.

(Pringle, 1970).

Prof. Datuk Khoo pernah menulis “To put it plainly, the Malays were, in the distant past, a seafaring people. The history of the Malay States, beginning from the Malacca Sultanate, clearly indicates that these states were mainly dependent on maritime trade”.

(NST, 1993).

Kesimpulan (i) Sejarah pembangunan orang Melayu ada kaitannya dengan budaya maritim yang menghubungkan mereka dengan tamadun-tamadum lain dalam dunia, dan kecukupan literasi merupakan satu keperluan dan alat perhubungan dan perdagangan di kalangan ‘sea-farers’ masa itu.

Kesimpulan (ii) Kuasa memerintah di kawasan-kawasan berkenaan, termasuk Brunei dan kemudian di Sarawak, secara langsung terletak kepada golongan ini, yakni yang celik-huruf, yang boleh berhubung dan berorganisasi – *the literate elite*.

Hugh Low (1848) memerhati bahawa sebelum kedatangan Brooke ke Sarawak, pendidikan agama memang sudah diajar di kalangan orang-orang Melayu. Di kalangan golongan atasan, “kegagalan memberi pendidikan kepada anak-anak mereka adalah sesuatu yang memalukan dan boleh menjadai martabat seseorang. Mereka mengambil berat tentang pendidikan anak-anak lelaki”.

Bagaimanapun, sistem pelajaran itu lebih merupakan cara tradisional (mengaji) yang diadakan di surau-surau, atau di rumah-rumah Ketua Kampung,

dan dikelolakan oleh guru-guru agama. Low juga merekodkan bahawa "apabila mereka telah khatam, satu kenduri besar-besaran diadakan untuk meraiae kefasihan dan kekhataaman mereka".

Kesimpulan (iii) Sebelum Brooke lagi, orang Melayu Sarawak sudah mempunyai tradisi menghargai dan menyanjung tinggi orang-orang yang berilmu pengetahuan;

Kesimpulan (iv) Orang-orang yang terpelajar telah mendapat kepercayaan dan dijadikan teman dan kerabat orang-orang bangsawan, atau bekerja dengan kerajaan.

PENDIDIKAN DI ZAMAN BROOKE

Kedatangan James Brooke (1848) mencecahkan rakyat Sarawak tunduk kepada kuasa gelombang "Industrial Revolution" dari Eropah. Mitra 'orang putih' yang disebatikan dengan pengetahuan dan kemahiran, kuasa dan kemajuan 'moden' – yang secara tradisi disanjung tinggi oleh orang-orang Melayu, khusus di kalangan golongan bangsawan, memudahkan James Brooke dijadikan "Raja", dan mendapat sokongan kerajaan Melayu Brunei, dan kerabat-kerabat Di Raja Brunei yang memerintah kawasan-kawasan strategik di Sarawak.

Pemerintahan Raja Brooke seterusnya membuka peluang kedatangan 'orang-orang putih', khususnya mubaligh-mubaligh Kristian, yang pada era berkenaan di Eropah, memang bergiat untuk mengkristiankan orang-orang asli (*the natives*) di bawah sfera pengaruh kuasa masing-masing yang memerlukan:

- (i) bahan-bahan mentah untuk pelbagai industri mereka, dan
- (ii) pasaran untuk produk-produk industri mereka.

Walaupun pada mulanya James Brooke sendiri tidak terlibat secara peribadi dalam kegiatan-kegiatan *missionaries*, tetapi nyata sekali beliau yakin bahawa kegiatan-kegiatan *mission* akan membantu penerusan kuasanya (seperti terbukti di Africa dan India). Oleh itu, beliau secara aktif mencari dan memujuk berbagai badan *Missionary* di England untuk menghantar mubaligh-mubaligh yang selari dengan pendirian dan fahamannya, ke Sarawak.

Kesimpulan IV: Dibanding dengan sejarah-sejarah *missionaries* di India dan Africa, atau pun di Semenanjung Malaysia (Malaya), kita dapat aktiviti-aktiviti *missionaries* di Sarawak agak berbeza. Yang jelas ialah, Raja James Brooke, taat dengan perjanjiannya dengan Sultan Brunei, lebih menumpukan perhatian kepada kestabilan, dan memahukan mubaligh-mubaligh Kristian yang dipilihnya sendiri, untuk 'mengajar' orang-orang tempatan meningkatkan mengeluaran yang boleh diperdagangkan serta menentukan cukup orang-orang yang boleh membantu beliau dalam pentadbiran.